

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : LAPORAN KHAS**

## Jumlah klinik swasta ditutup meningkat

**Kuala Lumpur:** Peluang pegawai perubatan berkhidmat dengan sektor swasta selepas menamatkan perkhidmatan wajib dengan hospital kerajaan, didakwa akan semakin sukar, susulan peningkatan bilangan klinik swasta yang ditutup sejak dua tahun lalu.

Selain kos operasi klinik persendirian yang semakin tinggi kerana peningkatan harga ubat, bilangan pesakit diterima juga semakin berkurangan ekoran saingan sesama klinik serta pertambahan kemudahan kesihatan disediakan kerajaan, khususnya Klinik 1Malaysia (K1M) yang dibuka sehingga jam 10 malam setiap hari.

Kajian Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mendapati, sepanjang 2015, sekurang-kurangnya 500 klinik persendirian ditutup kerana faktor terbabit.

Berdasarkan perkembangan semasa, MMA mendedahkan keadaan makin memburuk sepanjang tahun ini, sekali gus menjejaskan peluang pegawai perubatan berkhidmat dengan klinik persendirian selepas tamat khidmat wajib.

Malah, Kajian Landskap Pengamal Perubatan oleh MMA yang membabitkan 1,800 pemilik klinik persendirian, mendapati kira-kira 70 peratus klinik kini menerima tidak sampai 30 pesakit sehari, jumlah yang merugikan operasi mereka.

Lebih membimbangkan, hanya 15 peratus klinik sahaja yang dapat menjalankan perniagaan mereka dengan baik dan menguntungkan.

Presiden MMA, Dr Ravindran R Naidu, berkata sebelum ini jarang berlaku klinik swasta ditutup operasinya, sebaliknya hanya dijual atau dikendalikan doktor lain.

Katanya, senario semasa menunjukkan profesion doktor sebenarnya tidak lagi mampu mendatangkan pendapatan tinggi seperti disangka ramai orang.

### Bekerja sambilan

"Selepas menutup klinik mereka, ada sebahagian doktor terpaksa bekerja sambilan di klinik lain, tidak kurang juga terpaksa menukar profesion.

"Selain saingan hebat, keadaan ekonomi yang tidak menentu serta pertambahan klinik kesihatan kerajaan termasuk Klinik 1Malaysia (K1M), kebanyakannya terpaksa menamatkan perniagaan mereka kerana kos perubatan meningkat sebanyak 20 peratus dalam tempoh setahun," katanya.

Beliau berkata, jumlah untuk bayaran perubatan bukanlah terletak pada doktor sebaliknya bergantung pada pasaran kerana harga barangan seperti ubat-ubatan dan alat perubatan sudah meningkat.

**Fakta  
nombor**

**7,000** PREMIS

anggaran klinik swasta seluruh negara

**196** PREMIS

Klinik 1Malaysia seluruh negara

(FOTO HIASA)



Kehadiran Klinik 1Malaysia antara cabaran yang diterima klinik persendirian.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 52

RUANGAN : NIAGA

MHTC sasar pelancong berpendapatan sederhana, mewah dapatkan rawatan di Malaysia

# Tarik pelancong kesihatan dari India

Oleh JOHANNA. SOBREY

**KUALA LUMPUR** – Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC), sebuah agensi di bawah Kementerian Kesihatan, ingin memperluaskan pasaran ke India, selaras dengan usahanya untuk mengukuhkan rantaian nilai pelancongan kesihatan negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sherene Azli berkata, ini kerana pihaknya ingin meneroka potensi negara yang mempunyai populasi melebihi 1.2 bilion penduduk itu dengan peningkatan pesat bilangan golongan berpendapatan pertengahan dan mewah.

"India secara konsisten merupakan salah satu daripada lima negara utama yang rakyatnya datang ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan kesihatan.

"Selain bilangan penduduk yang tinggi, khususnya dalam kalangan mewah dan berpendapatan tinggi, kami melihat keadaan pertukaran wang asing semasa dan kualiti perkhidmatan perubatan swasta yang tinggi di



KUALITI perkhidmatan di hospital swasta dan kerajaan yang tinggi menggalakkan kedatangan lebih ramai pelancong datang ke Malaysia. -- Gambar hiasan

Malaysia antara faktor yang dapat menarik mereka untuk terus ke negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui *Kosmo!* di pejabatnya dekat sini baru-baru ini.

Dilaporkan, bilangan pelancong perubatan dari India telah berganda dalam tempoh lima tahun lalu dengan angka pada tahun 2011 merekodkan lebih 18,000 pelancong dari negara

berkenaan ke Malaysia untuk mendapatkan rawatan dan ia meningkat sebanyak 116 peratus kepada lebih 39,000 pada tahun 2015.

Menurut Sherene, selain India, negara-negara utama yang menjadi tumpuan MHTC adalah Indonesia, rantau Indo-China seperti Myanmar dan Vietnam serta China.

Dengan pelbagai usaha di-

## INFO

### Jumlah pelancong perubatan ke Malaysia

TAHUN	Jumlah pelancong perubatan (orang)
2011	643,000
2012	728,000
2013	881,000
2014	882,000
2015	859,000
2016	921,000

Sumber: Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC)

lakukan untuk mempromosikan kepelbagaian perkhidmatan dan kemudahan berkualiti yang disediakan di Malaysia, ujarinya, sektor pelancongan kesihatan terus mengukuh setiap tahun.

"Industri pelancongan penjagaan kesihatan merupakan salah satu sektor penting dalam memacu ekonomi negara, malah ia berkembang pada kadar purata antara 16 hingga 17 peratus setiap tahun.

"Pada tahun lalu, industri ini mencatatkan pertumbuhan kira-kira 23 peratus berbanding 2015 dengan melibatkan jumlah

pelancong perubatan sebanyak 921,000 daripada 859,000," katanya.

Beliau memaklumkan, bidang perubatan yang mendapat permintaan tinggi adalah penyaringan kesihatan umum, rawatan ortopedik, kardiologi, onkologi, kesuburan (persenyawaan in-vitro), neurologi, pergigian dan estetik (kosmetik dan pergigian).

"Malaysia juga mempunyai bilangan pesakit antarabangsa yang tinggi dalam rawatan urologi dan gastroenterologi," katanya.